

## Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

Khuzaiton binti Zakaria, khuzaiton@umk.edu.my  
Thana binti Abdullah, thana@umk.edu.my  
Universiti Malaysia Kelantan

### Abstrak

Penulisan ini bertujuan berkongsi pengalaman mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing atau orang asing yang berada di Universiti Malaysia Kelantan. Penutur asing yang dimaksudkan terdiri daripada dua kategori iaitu pelajar asing dan pensyarah asing. Mereka mempelajari bahasa Melayu mengikut keperluan masing-masing. Bagi pelajar asing mempelajari bahasa Melayu kerana kursus berkenaan diwajibkan kepada mereka seperti yang terdapat dalam peraturan yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Mereka tidak mempunyai pilihan lain kerana mengikuti Kursus Bahasa Melayu dan mempelajari bahasa Melayu adalah sebagai prasyarat untuk lulus dalam pengajian. Bagi kumpulan pensyarah bangsa asing pula mereka perlu mempelajari bahasa Melayu untuk kegunaan harian iaitu untuk berinteraksi atau berkomunikasi dengan komuniti yang ada di sekeliling mereka sebagai ikhtiar hidup dan bahasa komunikasi. Dengan kata lain, pengajaran bahasa Melayu kepada pensyarah asing ini adalah untuk memenuhi keperluan permintaan semasa. Kertas ini juga membincangkan cabaran yang dihadapi oleh penutur asing dalam menguasai bahasa Melayu.

### Pengenalan

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara Malaysia. Dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagaimanapun tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan. Semua rakyat Malaysia menerima bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa untuk semua kaum di negara ini. Apabila semua kaum menerima bahasa ini sebagai bahasa mereka, maka bahasa Melayu menjadi saluran komunikasi utama untuk kaum di negara kita.

Kementerian Pengajian Tinggi telah memulakan pelbagai inisiatif untuk mengangkat kedudukan dan peranan bahasa Melayu antaranya melalui sebuah Kajian Penggunaan Bahasa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan kerjasama penyelidik-penyelidik IPTA yang dijalankan pada tahun 2010. Bertitik tolak daripada dapatan Kajian Penggunaan Bahasa di IPTA itu, kementerian telah mengambil daya usaha menyediakan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia sempena majlis pelancaran Pelan Tindakan Memartabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Institusi Pengajian Tinggi dan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 dipetik:

*“Usaha memartabatkan Bahasa Melayu tidak mungkin tercapai hanya dengan retorik dan semangat semata-mata. Justeru itu, sebagai tanda iltizam yang tinggi di peringkat kementerian ini, dalam majlis pada pagi ini, saya ingin mengumumkan beberapa langkah dan strategi yang akan kita laksanakan ke arah memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi iaitu:*

*PERTAMA, mewajibkan semua kursus wajib Universiti dikendalikan dalam Bahasa Melayu seperti Kursus Kenegaraan Malaysia, Tamadun Islam dan Tamadun Asia Tenggara, Hubungan Etnik dan lain-lain;*

*KEDUA, meletakkan sasaran 30% pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu bagi gugusan sains pada 2020. Dalam tempoh yang sama juga, kementerian juga meletakkan sasaran 70% pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu bagi gugusan sains sosial dan kemanusiaan;*

*KETIGA, mewajibkan pelajar-pelajar antarabangsa mengambil Kursus Bahasa Melayu Komunikasi;”*

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan universiti yang ke-sembilan belas dan mula beroperasi dengan pengambilan pelajar kumpulan pertama pada tahun 2007. Bagi merealisasikan agenda memartabatkan bahasa Melayu di IPT, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Kursus Bahasa Melayu kepada penutur asing di universiti ini. Pada sesi pengajian semester Februari 2012/2012, buat pertama kalinya Kursus Bahasa Melayu ditawarkan kepada pelajar asing dan pensyarah asing.

Dalam kertas kerja ini, pembentang akan berkongsi sekelumit pengalamannya sebagai tenaga pengajar yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan pengajaran Kursus Bahasa Melayu kepada penutur asing di Universiti Malaysia Kelantan khususnya.

### **Penutur Asing**

Seramai 13 orang penutur asing daripada negara Nigeria, Iraq, Kemboja, Jepun, Jerman, China, India, Bangladesh yang telah mempelajari bahasa Melayu pada semester tersebut. Penutur asing yang dimaksudkan dalam kertas kerja ini ialah pelajar-pelajar asing dan pensyarah-pensyarah asing yang ada di UMK yang telah pun fasih menguasai bahasa ibunda mereka. Mereka biasanya dapat menguasai satu bahasa lain iaitu bahasa antarabangsa (Maimunah dan Norizah, 2003) dan ingin mempelajari bahasa Melayu bagi membolehkan mereka berhubung dengan komuniti tempatan.

Sehubungan dengan itu, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah telah mengenalpasti kepentingan dan keperluan bahasa Melayu kepada penutur-penutur asing yang ada di universiti ini. Bagi pelajar-pelajar asing pula, mereka perlu mempelajari bahasa Melayu kerana kursus berkenaan diwajibkan kepada mereka seperti yang terdapat dalam peraturan yang disediakan oleh KPT. Mereka tidak mempunyai pilihan lain kerana mengikuti Kursus Bahasa Melayu dan mempelajari bahasa Melayu adalah sebagai prasyarat untuk lulus dalam pengajian.

Bagi kumpulan pensyarah bangsa asing pula mereka perlu mempelajari bahasa Melayu untuk kegunaan harian iaitu untuk berinteraksi atau berkomunikasi dengan komuniti yang ada di sekeliling mereka sebagai ikhtiar hidup dan bahasa komunikasi. Dengan kata lain, pengajaran bahasa Melayu kepada pensyarah asing ini adalah untuk memenuhi keperluan permintaan semasa.

Namun begitu, pada masa yang sama kedua-dua golongan penutur asing ini juga perlu mempelajari bahasa Melayu untuk kelangsungan hidup dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya masyarakat Melayu. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu yang dipelajari ibarat “sambil menyelam minum air” yang bukan sahaja memerlukan mereka mempelajari bahasa Melayu untuk meneruskan pengajian atau bekerja, malahan menguasai bahasa Melayu yang dipelajari itu untuk berinteraksi dengan masyarakat di Malaysia.

Terdapat beberapa aspek yang ada pada penutur asing yang boleh dilihat sebagai faktor kejayaan pengajaran dan pembelajaran Kursus Bahasa Melayu atau kesesuaian kaedah yang boleh diaplikasikan untuk mengajar kursus berkenaan seperti:

### **Kepentingan Mempelajari Bahasa Asing**

Pada tahun 2009, bilangan pelajar asing di institusi pengajian tinggi ialah seramai 80,000. Dianggarkan menjelang tahun 2015, bilangan pelajar asing melonjak sehingga 150,000 di negara ini (Zainor, 2011). Statistik ini menunjukkan kesungguhan pelajar-pelajar asing melanjutkan pengajian mereka di negara ini.

Marry Finnochiaro dan Michael Bonomo (1973) mengutarakan lapan tujuan khusus mempelajari bahasa asing. Lapan tujuan pembelajaran bahasa asing tersebut ialah:

- i. Untuk memahami bahasa asing apabila bertutur pada tahap biasa sesuatu perkara mengikut pengalaman yang dialami oleh pelajar itu sendiri;
- ii. Untuk bertutur dengan berkesan bagi tujuan berhubung dengan penutur jati tentang sesuatu perkara mengikut pengalaman pelajar itu sendiri;
- iii. Untuk membaca dengan memahami sepenuhnya tanpa memikirkan terjemahan dalam bahasa ibundanya sendiri;
- iv. Untuk menulis dengan menggunakan bentuk asal atau tulen bahasa berkenaan;
- v. Untuk memahami konsep linguistik iaitu ciri asal sesuatu bahasa dan fungsi system strukturnya;
- vi. Untuk memahami melalui bahasa mengenai nilai-nilai semasa dan bentuk perlakuan masyarakat yang bahasanya sedang dipelajari;
- vii. Untuk mendapat pengetahuan mengenai ciri-ciri penting kawasan atau negara yang bahasa berkenaan dituturkan (geografi, ekonomi, politik dan sebagainya). Dan
- viii. Untuk memahami pengetahuan mengenai budaya sastera bernilai masyarakat yang bahasa ibundanya sedang dipelajari.

### **Kursus Bahasa Melayu**

Di Malaysia, menerusi Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, semua pelajar asing di institusi pengajian tinggi swasta diwajibkan mempelajari kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan. Bagi memenuhi kehendak dasar yang ditetapkan oleh KPT, PBI telah membina sukatan Kursus Bahasa Melayu. Kursus bahasa Melayu ini menjurus kepada skop penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian dan di tempat kerja. Kursus ini juga memberi fokus kepada pemahaman secara umum mengenai bahasa Melayu dan kepentingannya dalam konteks Malaysia. Pelajar-pelajar akan didedahkan dengan pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu dalam situasi formal dan tidak formal dengan bimbingan fasilitator. Pelajar-pelajar juga dapat membaca bahan bahasa Melayu dengan sebutan dan intonasi yang betul serta dapat memahami budaya Melayu. Kursus Bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu:

- i. Bahasa Melayu tahap satu (UBY 2012)
- ii. Bahasa Melayu tahap dua (UBY 2022)
- iii. Bahasa Melayu tahap tiga (UBY 2023)

Jam pengajaran bagi kursus ini ialah satu jam bagi setiap pertemuan/kelas. Pertemuan ataupun kelas diadakan sebanyak dua kali seminggu. Adalah diharapkan jumlah jam pertemuan yang disediakan dapat membolehkan penutur asing di UMK menguasai kemahiran asas berbahasa Melayu bagi membolehkan mereka melahirkan idea dan perasaan secara lisan dan penulisan dengan betul.

### **Kurikulum**

Skop dan isi kandungan yang terdapat dalam kursus-kursus bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK ialah seperti berikut:

1. Pengenalan kepada bahasa Melayu
2. Memahami kosa kata mudah
3. Membina kosa kata
4. Latihan menyebut dan bertutur
5. Latihan mendengar
6. Latihan membaca dan memahami
7. Latihan menulis ayat mudah
8. Golongan kata
9. Jenis-jenis ayat
10. Penjodoh bilangan
11. Simpulan bahasa

### **Bahan pengajaran**

- A. Buku yang digunakan sebagai buku rujukan ialah:

1. *Malay for Everyone* oleh Othman Sulaiman
  2. Perbualan Asas Bahasa Melayu oleh Anwar Ridhwan
  3. Bahasa Melayu untuk Penutur Asing –Peringkat Asas Buku 1 dan Buku 2 oleh Nor hashimah Jalaludin, Mardian Shah Omar dan Noor Zilawati Jais
  4. Bertutur dengan Fasih (Speak Malay Fluently) oleh Norizah Ardi dan Hasbi Yusoff.
  5. Peribahasa dan Ungkapan Inggeris- Melayu oleh Amir Muslim
  6. Tatabahasa Melayu Digital (CD) oleh DBP dan Multimedia University
  7. Buku-buku latihan bahasa Melayu untuk sekolah rendah
  8. Kamus
    - Dwibahasa dan bergambar
- B. Tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kehidupan pelajar seperti:
1. Diri saya
  2. Keluarga saya
  3. Negara saya
  4. Pengalaman hidup saya di UMK, Kelantan dan Malaysia
  5. Kegemaran saya
  6. Cita-cita saya
  7. Rakan dan pensyarah saya
  8. Jiran saya
  9. Tempat menarik yang telah dilawati
- C. Pengajaran tatabahasa diberi penekanan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Namun begitu, penutur asing diberi pendedahan dan diajar pada bahagian-bahagian penting dan asas. Antaranya ialah :

1. Kata Nama

Kata Nama Am	Kata nama Khas
--------------	----------------

2. Kata ganti nama diri

Kata ganti nama diri pertama	Kata ganti nama kedua	Kata ganti nama diri ketiga
------------------------------	-----------------------	-----------------------------

3. Kata ganti nama tunjuk

Ini	Itu
-----	-----

4. Kata ganti tempat

Sana	Sini	Situ
------	------	------

5. Kata tanya

Apa	Siapa	Di mana	Bila
Mengapa	Kenapa	Bagaimana	Berapa

6. Kata hubung

dan	serta	atau	tetapi
jika	kerana	walaupun	hingga

7. Kata sendi nama

di	ke	pada	kepada
dari	daripada	untuk	bagi
dengan	oleh	sejak	seperti

8. Kata pemerli

ialah	adalah
-------	--------

9. Kata naif

Bukan	Tidak
-------	-------

10. Penjodoh bilangan

batang	biji	buah	ekor
helai	keping	bentuk	jambak

11. Kata ganda

Kata ganda seluruh (pelajar-pelajar)	Kata ganda separa (bebola)
Kata ganda berima (lauk-pauk)	Kata ganda berimbuhan (buah-buahan)

12. Imbuhan MeN, BeR, TeR, Se, Ke-an, Pe-an,

MeN -mendengar	BeR - bermain	TeR- terjumpa
Se-sehari	Ke-an kesihatan	Pe-an- pelajaran

13. Pola ayat dasar

- i. Frasa Nama (FN) + Frasa Nama (FN)  
Ahmad pelajar.
- ii. Frasa Nama (FN) + Frasa Kerja (FK)  
Mereka duduk.
- iii. Frasa Nama (FN) + Frasa Adjektif (FA)  
Emak saya cantik.
- iv. Frasa Nama (FN) + Frasa Sendi (FS)  
Ayah ke Pulau Pinang.

- D. Bantuan audio-visual juga digunakan untuk aktiviti mendengar dan memahami sesuatu berita, petikan, rencana, perbualan telefon atau dialog di klinik, bank, lapangan terbang dan sebagainya.

Sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pada bulan pertama banyak menggunakan terjemahan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan bagi kosa kata atau ayat yang digunakan perlu diterang dan dihuraikan kepada penutur asing kerana mereka tidak mempunyai asas tentang bahasa Melayu. Justeru, pembentang sebagai orang yang mengendalikan Kursus bahasa Melayu menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar penutur asing. Kosa kata atau ayat yang digunakan itu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan ayat yang mudah dan senang untuk difahami oleh penutur asing.

### Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Kursus Bahasa Melayu kepada penutur asing di UMK, pembentang menggunakan pendekatan komunikatif. Pendekatan komunikatif ini digunakan kerana tujuan utama pengajaran bahasa mengikut pendekatan ini adalah untuk membina kebolehan dan keupayaan berkomunikasi dalam kalangan penutur asing. Dengan menggunakan pendekatan ini penutur asing boleh menggunakan bahasa Melayu yang sesuai untuk berinteraksi atau berkomunikasi. Pengajaran bahasa dirangka mengikut fungsi komunikasi yang diajar mengikut keperluan pelajar atau penutur asing bagi membolehkan mereka bertutur bukan hanya di dalam kelas tetapi juga dapat berkomunikasi dengan masyarakat yang ada di sekitar mereka setiap hari.

Menyentuh mengenai kaedah pula, saya menggunakan kaedah elektik. Kaedah ini menggabungkan segala ciri baik (Kalthum, 2003) dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah yang lain seperti kaedah tatabahasa terjemahan, kaedah terus, kaedah dengar dan ajuk, kaedah khusus dan kaedah terjemahan. Kaedah ini juga tidak terikat kepada satu-satu kaedah sahaja kerana menggunakan pelbagai kaedah. Kaedah ini menggunakan banyak latihan dalam pengajarannya. Empat kemahiran bahasa yang penting iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat dipraktikkan menerusi kaedah ini. Contohnya kaedah terus digunakan untuk mengajar sebutan, kaedah terjemahan digunakan untuk menerangkan makna kata, kaedah dengar dan ajuk dapat dipraktikkan melatih tubi pola-pola ayat dan kaedah khusus diamalkan untuk mengajar membaca dan mengajar tatabahasa.

Pada peringkat permulaan, pembentang menggunakan latihan mendengar dan kemudian latihan bertutur, menyebut bunyi vokal dan konsonan bahasa Melayu, membaca suku kata dan seterusnya menulis suku kata. Peringkat pertengahan, pengajaran tatabahasa dijalankan dengan diikuti latihan

menulis ayat mudah dan membaca serta dapat menyatakan semula apa yang dibaca bagi menguji kefahaman mereka terhadap apa yang dibaca. Penutur asing juga digalakkan merujuk makna bagi kosa kata yang tidak difahami di dalam kamus.

Pembentang menggunakan beberapa teknik semasa mengajar bahasa Melayu. Antaranya ialah teknik bercerita, teknik bersoal jawab, teknik main peranan dan teknik menyanyi. Teknik-teknik ini digunakan bagi menarik minat penutur asing supaya mereka dapat memberi tumpuan semasa berada di dalam kelas bahasa Melayu. Tidak ketinggalan penerapan latihan lisan sentiasa diberi keutamaan kerana melalui latihan ini para penutur asing terpaksa bercakap mengenai tajuk yang diberikan dalam bahasa Melayu. Pembentang mengemukakan beberapa tajuk untuk dibicarakan oleh penutur asing seperti:

1. Perkara yang ada hubungan dengan diri penutur sendiri iaitu bercakap mengenai diri sendiri, keluarga, sahabat, negara, pengalaman suka dan duka dan sebagainya.
2. Perkara yang berkaitan dengan kursus yang mereka ambil, UMK, tempat tinggal dan sebagainya
3. Perkara berdasarkan e-mel yang dihantar kepada pelajar oleh fakulti, memo yang ditampal di kaunter fakulti, gambar, suratkhbar dan sebagainya.
4. Perbualan telefon, di kaunter pejabat, di hospital, di kaunter fakulti, di café, di restoran, di pasar, di bank, di pejabat pos, di lapangan terbang, di stesen bas atau teksi dan sebagainya.

Kemahiran menulis juga amat penting. Latihan menulis diberikan kepada penutur asing untuk memberi ruang kepada menulis apa yang mereka tuturkan berdasarkan tajuk atau perkara yang dinyatakan di atas seperti mereka menulis mengenai diri mereka sendiri atau menulis mengenai keluarga mereka. selepas sesuatu latihan menulis disemak, pembentang akan berbincang masalah atau kesalahan ejaan, kosa kata atau tatabahasa. Mereka dikehendaki menulis semula dan perlu dihantar buat kali kedua.

Aktiviti luar kelas sentiasa diadakan supaya penutur asing dapat menggunakan bahasa Melayu pada situasi yang sebenarnya. Mereka didedahkan dengan keadaan sebenar seperti berada di kafetaria UMK apabila berbincang mengenai membuat pesanan makanan, bercakap mengenai makanan dan minuman yang terdapat di café yang mereka suka makan dan minum.

### **Cabaran Menguasai Bahasa Melayu**

Pembentang mendapati terdapat beberapa cabaran dalam menguasai bahasa Melayu kepada penutur-penutur asing. Antaranya ialah:

1. Mereka lebih suka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris apabila berjumpa dengan pensyarah atau rakan-rakan mereka. Ini menjadikan mereka lambat untuk menguasai bahasa Melayu dengan fasih dan lancar.
2. Mereka tidak menggunakan bahasa Melayu apabila berurusan di pasar raya kerana barang yang mereka kehendaki dapat dicari dan dibawa ke kaunter pembayaran tanpa berlakunya komunikasi dengan jurujual.
3. Masyarakat di Kelantan menggunakan dialek Kelantan apabila mereka berkomunikasi. Ini menjadikan penutur asing ini menghadapi masalah untuk memahami dan bertutur dialek Kelantan kerana pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berlangsung menggunakan bahasa Kebangsaan.
4. Faktor usia- kesemua 13 orang penutur asing yang mengikuti Kursus Bahasa Melayu berusia lebih daripada 20 tahun. Mereka ini telah menunjukkan sikap ingin belajar bahasa Melayu kerana ada kepentingan kepada diri mereka sendiri. Faktor usia juga menunjukkan mereka sudah matang dalam membuat keputusan atau ketika memberi pendapat.
5. Faktor taraf pendidikan- kebanyakan penutur asing ini mempunyai taraf pendidikan yang berbeza iaitu ada yang prasiswazah, pasca siswazah dan ada yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang masing-masing. Oleh itu tahap kebolehan mereka berbeza. Ada yang dapat menyebut dan mengingati sesuatu perkataan dengan cepat dan ada juga yang lambat. Faktor taraf pendidikan merupakan salah satu faktor yang boleh menentukan kejayaan mereka dalam menguasai bahasa Melayu.

6. Faktor kehendak dan keperluan- bagi penutur asing yang telah bekerja , mereka begitu menunjukkan minat untuk menguasai bahasa Melayu kerana mereka terpaksa bertutur dengan staf seperti pemandu, kerani, juruteknik dan sebagainya untuk menyelesaikan beberapa urusan seperti mengisi borang pergerakan, borang tuntutan dan sebagainya yang perlu diisi dalam bahasa Melayu. Bagi pelajar pula mereka perlu menguasai bahasa Melayu kerana mereka terpaksa menduduki kuiz, menyediakan tugasan dan menduduki peperiksaan akhir bagi Kursus Bahasa Melayu. Kehendak dan keperluan akan turut mempengaruhi sikap penutur asing terhadap penguasaan bahasa Melayu mereka.
7. Faktor bahasa ibunda – terdapat beberapa perkataan dalam bahasa ibunda yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu dapat menentukan kejayaan dalam menguasai bahasa Melayu. Bagi penutur asing warganegara Bangladesh terdapat beberapa perkataan yang hampir sama sebutannya dan mempunyai makna yang sama seperti mak, bapa, isteri, kerusi dan sebagainya. Bila ada persamaan sebegini, mereka lebih mudah untuk menguasai bahasa Melayu berbanding dengan penutur asing daripada warganegara Nigeria, Jerman, Jepun dan China.

## Penutup

Demikianlah serba ringkas latar pelaksanaan Kursus Bahasa Melayu yang ditawarkan kepada bangsa asing yang telah dan sedang dilaksanakan di UMK pada ketika ini. Hakikatnya, baru satu semester penutur asing ini belajar dalam Kursus Bahasa Melayu. Mereka masih lemah untuk berkomunikasi secara lancar dan belum fasih untuk berbahasa Melayu sepenuhnya. Mereka memerlukan dorongan dan motivasi dan juga perubahan sikap untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik dan lancar. Sekiranya penutur asing tidak mempunyai motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu, maka sudah pastinya mereka tidak akan dapat bertutur dalam bahasa Melayu sehinggalah kursus berakhir.

## Bibliografi

- Kalthum Ibrahim 2003 . *Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia*. Dlm. Atiah Hj. Mohd Salleh dan Ramlah Muhamad (pnyt.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Khaled bin Nordin ,2011. *Pelan Tindakan Memartabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Institusi Pengajian Tinggi dan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011*
- Maimunah Haji Omar dan Norizah Ardi 2003 . *Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing: Pengalaman Perancis dan Finland*. Dlm. Atiah Hj. Mohd Salleh dan Ramlah Muhamad (pnyt.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marry Finocchiaro dan Michael, 1973. *The Foreign Language Learner: A Guide for Teachers*, New York: Regents Publishing Company, Inc.
- Zainor Said, 2011. *Universiti, kolej di Malaysia banyak kelebihan berbanding negara lain untuk tarik pelajar asing*. Diperoleh pada 15 Mac 2011 daripada [http://www.bharian.com.my/bharian/articles /IPTharus tingkatkan kualiti perhebatpromosi](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPTharus%20tingkatkan%20kualiti%20perhebatpromosi) di [luarnegara/Article/print\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPTharus%20tingkatkan%20kualiti%20perhebatpromosi).